



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

23 JANUARI 2025 (KHAMIS)

Dicekup Tidak Sempat Jual 11 Kerbau Seludup

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	17	23 Jan

Dicekup tidak sempat jual 11 kerbau seludup

PASIR MAS – Dua lelaki tidak sempat mengaut keuntungan hasil jualan 11 ekor kerbau seberat lebih sembilan tan selepas lori yang membawa haiwan itu ditahan anggota penguat kuasa di Kampung Repek, di sini Isnin lalu.

Kedua-dua suspek yang berusia 26 dan 35 tahun itu diberkas pada pukul 2.30 pagi semasa anggota Batalion 9, Pasukan Gerakan Am (PGA) menjalankan Op Taring Wawasan Kelantan.

Komander Briged Tenggara PGA, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab. Hamid berkata, pihaknya menahan sebuah lori jenis Isuzu selepas didapati dipandu dalam keadaan mencurigakan di lokasi tersebut.

Katanya, pemeriksaan di dalam kenderaan itu membawa


kepada penemuan 11 ekor kerbau seberat lebih 9,000 kilogram (kg) tanpa dokumen sah.

"Siasatan lanjut mendapati, kesemua kerbau itu dipercayai diseludup dari Thailand melalui pangkalan haram.

"Kedua-dua suspek disyaki berperanan sebagai penghantar yang menyeludup kerbau tersebut untuk pasaran tempatan," katanya ketika dihubungi pemberita semalam.

Nik Ros Azhan berkata, kesemua rampasan termasuk lori tersebut dianggarkan bernilai RM242,000.

Tambahnya, suspek dan kesemua barangan rampasan dibawa ke kompeni taktika PGA Taman Bakti di sini untuk siasatan di bawah Seksyen 36(1) Akta Bina-tang 1953.



KERBAU yang dirampas anggota PGA dalam Op Taring Wawasan Kelantan di Kampung Repek, Pasir Mas pada Isnin lalu. – IHSAN PGA

Dua Lelaki Ditahan Seludup 11 Ekor Kerbau

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	23	23 Jan

Dua lelaki ditahan seludup 11 ekor kerbau

PASIR MAS - Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kuala Terengganu berjaya menumpaskan kegiatan penyeludupan kerbau selepas menahan dua lelaki di Kampung Repek di sini, pada Isnin.

Dua lelaki berusia 26 dan 35 tahun itu ditahan pada jam 2.30 pagi bersama 11 ekor kerbau dianggarkan seberat lebih 9,000 kilogram bernilai hampir RM242,000 termasuk sebuah lori menerusi penugasan Op Taring Warisan.

Komander Briged Tenggara, Datuk Nik Ros Azhan Ab Hamid berkata, semasa rondaan pihaknya menahan sebuah lori yang dipandu dalam keadaan mencurigakan.

"Hasil pemeriksaan ke atas kenderaan terbabit telah menjumpai 11 ekor kerbau dipercayai diseludup dari

Thailand melalui pangkalan haram.

"Kedua-dua suspek itu dipercayai menjadi penghantar untuk menyeludup kerbau tersebut ke pasaran tempatan," katanya pada Rabu.

Dalam kes berasingan, Nik Ros Azhan memberitahu, seorang lelaki bertindak melarikan diri dengan meninggalkan lebih 800 kilogram (kg) beras seludup bernilai RM3,200 selepas kegiatan itu berjaya dihidu anggota Batalion 8 Pasukan Gerakan Am (PGA) Pengkalan Chepa di Kampung Cherang Melintang, Tumpat, pada Selasa.

Menurut beliau, tangkapan dan rampasan berkenaan dilakukan pada jam 1.30 pagi selepas anggota bertugas melihat sebuah kereta yang dipandu dalam keadaan mencurigakan menerusi Op Taring Wawasan.

FOTO: PGA



Sebanyak 11 ekor kerbau yang diseludup dari negara jiran dirampas oleh Batalion 9 Pasukan Gerakan Am di Kampung Repek, Pasir Mas, Kelantan, pada Isnin.

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	30	23 Jan

Penternak bantah notis, gesa kerajaan sedia tempat baharu

SHAH ALAM: Kira-kira 176 penternak di seluruh Selangor meminta kerajaan negeri menyediakan tempat baharu bagi meneruskan perusahaan ternakan lembu mereka apabila menerima notis pengusiran daripada pemilik tanah, Sime Darby (SD) Guthrie pada 31 Disember lalu.

Mereka mendakwa kesal dengan notis tersebut yang disifatkan sebagai terlalu tergesa-gesa dengan memberi tarikh akhir pemindahan pada 31 Januari ini.

Penyelaras Gabungan Penternak Marhaen Nasional, R. Vijayagandi, 49, berkata, para penternak terutama di Sabak Bernam dan Kuala Selangor terkejut apabila diarahkan berpindah walaupun sudah mengusahakannya sejak 50 tahun lalu di kawasan berkenaan.

"Kebanyakan penternak adalah penduduk setempat yang menjalankan penternakan tenusu dan daging lebih tiga generasi. Justeru, penternak menyeru kerajaan negeri termasuk Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari membatalkan notis yang dikeluarkan.

"Kerajaan negeri juga diharapkan tidak meminggirkan para penternak yang merupakan penyumbang ekonomi dan jaminan makanan," katanya



LEBIH 100 penternak berhimpun secara aman bagi membantah notis pemindahan ternakan lembu mereka di atas tanah milik SD Guthrie, di Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

dalam perhimpunan aman penternak lembu SD Guthrie, semalam.

Terdahulu, lebih 100 individu terdiri daripada penternak lembu di enam ladang sekitar Sabak Bernam dan Kuala Selangor berhimpun secara aman di hadapan pintu masuk Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS) bagi menyerahkan memorandum bantahan kepada kerajaan negeri.

Bagaimanapun, hanya 12

daripada mereka termasuk Vijayagandi dibenarkan masuk ke bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) itu bagi menyerahkan memorandum.

Antara tuntutan dikemukakan adalah meminta Exco Kemajuan Desa, Perpaduan dan Pengguna, Datuk Rizam Ismail menarik balik kenyataan, menggesa campur tangan kerajaan negeri membatalkan notis dan menghamonikan aktiviti penternakan dan perladangan.

JPV Terengganu Rampas Kambing, Biri-biri Seludup Bernilai RM98,500

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Semasa	Online	22 Jan



JPV Terengganu rampas 77 ekor kambing termasuk biri-biri dianggarkan bernilai RM98,500 yang dipercayai diseludup dari Thailand.

KUALA TERENGGANU - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu merampas 77 ekor kambing termasuk biri-biri dianggarkan bernilai RM98,500 yang dipercayai diseludup dari Thailand.

"Hasil siasatan ke atas lori tersebut mendapati terdapat 77 ekor kambing termasuk biri-biri yang disyaki diseludup untuk dipasarkan di beberapa negeri selain Terengganu," katanya ketika dihubungi di sini pada Rabu.

Pengarahnya, Dr Anun Man berkata, kegiatan itu terbongkar selepas pihak penguat kuasa menahan sebuah lori dalam keadaan mencurigakan di Kampung Padang Landak, Besut, kira-kira jam 11.30 malam, pada Selasa.

Jelasnya, kes itu disiasat di bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953 kerana melakukan kesalahan pemindahan ternakan tanpa kebenaran sah daripada pengarah JPV.

"Jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak

melebihi RM15,000," ujar beliau.

Katanya, sebanyak 12 kes pemindahan ternakan tanpa permit direkodkan di negeri itu sepanjang tahun lalu.-

[SINARHARIAN](#)

Penternak Mohon Pengusiran Lembu Dibatalkan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	22 Jan



PENTERNAK-PENTERNAK lembu bersama keluarga hadir mengadakan bantahan secara aman di hadapan pintu masuk utama SUK. FOTO Ruwaida Md Zain

Shah Alam: Seramai 176 penternak mendesak agar pengusiran ternakan lembu mereka dari ladang milik syarikat berkaitan kerajaan, SD Guthrie Bhd, dihentikan.

Penyelaras Gabungan Penternak Marhaen Nasional R Vijayagandi berkata, keputusan kerajaan negeri itu mengecewakan penternak yang sudah tiga generasi menjalankan penternakan di ladang berkenaan.

Menurutnya, kenyataan

dikeluarkan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kemajuan Desa negeri Datuk Rizam Ismail berhubung isu itu pada 19 Disember lalu juga perlu ditarik balik.

"Kerajaan negeri juga perlu campur tangan serta menasihati agar membatalkan notis pengusiran ternakan yang dikeluarkan oleh SD Guthrie pada 31 Disember lalu kepada semua penternak di ladang terbabit.

"Berdasarkan notis

berkenaan, semua penternak diberikan tempoh sebulan sehingga 31 Januari ini," katanya dalam sidang media di perkarangan Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SUK), di sini, hari ini.

Dia bersama 12 penternak dibenarkan masuk ke Bangunan SUK bagi menyerahkan memorandum kepada wakil Pejabat Menteri Besar Selangor.

Mereka adalah sebahagian daripada lebih 100 individu yang hadir mengadakan bantahan secara aman di hadapan pintu masuk utama Bangunan SUK.

Vijayagandi berkata, semua penternak terbabit dalam isu ini adalah warga tempatan yang menjalankan penternakan tenusu serta daging sejak zaman nenek moyang mereka lagi.

"Kami harap pihak Menteri Besar dapat mempertimbangkan tuntutan kami, tidak mencicirkan kami kerana kami juga penyumbang kepada ekonomi dan jaminan makanan," katanya.

Sementara itu, penternak R Shilah, 42, berkata, dia buntu memikirkan tarikh 31 Januari semakin hampir dan tidak tahu ke mana hendak dibawa lembu ternakannya kelak.

"Saya hampir 10 tahun menjadi penternak. Saya menyambung kerja yang dilakukan oleh ibu saya sebelum ini.

"Ini sumber pendapatan utama keluarga kami sejak dahulu. Saya menternak 40 lembu.

"Dalam notis itu, tidak dinyatakan tempat baharu untuk lembu kami yang banyak itu.

"Ke mana saya hendak bawa lembu, saya tiada tempat lain, sebab itu kami datang ke sini untuk merayu," katanya.-[MYMETRO](#)

Penternak Lembu Buat Bantahan Depan SUK Selangor

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
KOSMO Online	Negara	Online	22 Jan



PENTERNAK-PENTERNAK lembu bersama keluarga hadir mengadakan bantahan secara aman di hadapan pintu masuk utama SUK. FOTO Ruwaida Md Zain

SHAH ALAM – Lebih 173 penternak lembu buntu memikirkan nasib mereka apabila diarah membawa keluar 4,000 ternakan mereka dari ladang SD Guthrie di seluruh Selangor ini selewat-lewatnya 31 Januari depan.

Rata-rata mereka terkejut menerima notis sejak 31 Disember lalu susulan syarikat berkenan didakwa sewenang-wenangnya mengeluarkan satu lagi notis menggunakan kenyataan Exco Kemajuan Desa Selangor, Datuk Rizam Ismail

yang sebelum ini hanya menyatakan pemindahan lembu bagi penternak di Sabak Bernam sahaja.

-Advertisement-

Seorang penternak, K. kanmamma, 62 berkata, penternakan lembu tersebut adalah sumber pendapatan utamanya membesarkan empat anaknya yang kini berusia 36 hingga 43 tahun selepas kematian suami sejak 26 tahun lalu.

Kata ibu tunggal itu, dia tidak mempunyai lokasi lain bagi proses pemindahan 100

lembunya yang ditenak di ladang Bukit Rotan, Kuala Selangor.

“Menangis saya apabila terima notis itu, tidur pun tidak nyenyak bila fikir mana mahu letak lembu-lembu tersebut.

“Harga lembu pun tidak tinggi dengan anggaran RM1, 600 seekor ketika ini disebabkan lambakan lembu dari Thailand yang dipercayai diseludup masuk dengan dijual RM1, 000 seekor,” katanya ketika ditemui pemberita di hadapan Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), hari ini.

Terdahulu, lebih 100 penternak bersama Gabungan Penternak Marhaen Nasional melakukan bantahan sebelum 12 daripadanya yang diketuai salah seorang penyelarar gabungan itu, R. Vijayagandi dibenarkan masuk ke Bangunan SUK bagi memorandum kepada wakil Pejabat Menteri Besar Selangor.

Antara tuntutan memorandum itu adalah kerajaan negeri harus menarik balik kenyataan dikeluarkan Rizam dalam sidang akhbar pada 19 Disember.

campur tangan kerajaan negeri supaya SD Guthrie membatalkan notis tersebut selain mengeluarkan arahan kepada pihak berkuasa tempatan tidak membantu SD Guthrie menangkap lembu ternakan di dalam kawasan ladang.

Bagi R. Sheila, 42, yang merupakan generasi kedua penternak mahu solusi terbaik dan bukannya pengusiran dibuat pihak syarikat berkenaan.

Sementara itu, Penyelarar Gabungan Penternak Marhaen Nasional, S. Thiangan menegaskan tindakan syarikat itu tersebut amat licik dan tersusun dalam mengeluarkan semua penternak hasil satu kenyataan dikeluarkan Exco Selangor.

“Daripada hanya 20 penternak di Sabak Bernam kini melarat kepada 153 yang lain di seluruh Selangor. Sepatutnya berunding dengan penternak. Alasan lembu makan pokok kecil adalah perkara remeh dan jangan sampai halau penternak. Selangor mana ada padang ragut dan takkan mahu musnahkan satu hutan bagi tujuan penternakan lembu,” katanya.–[KOSMO! ONLINE](#)

Tuntutan itu juga mendesak

'Jangan Usir, Ternakan Itulah Bank Kami'

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Kini	Berita	Online	22 Jan



Lebih 50 penternak dari ladang-ladang SD Guthrie Berhad berhimpun untuk menyerahkan memorandum kepada Menteri Besar Selangor Amirudin Shari susulan notis pengusiran diterima mereka.

Mereka menuntut kerajaan negeri campur tangan untuk membatalkan notis pengusiran dikeluarkan SD Guthrie Berhad yang memaksa mereka mengeluarkan haiwan ternakan dari kawasan ladang syarikat itu.

Penyelaras Gabungan

Penternak Marhaen Nasional S Tinagaran mendakwa notis pengusiran itu muncul selepas kenyataan Exco Kemajuan Desa, Perpaduan dan Pengguna Selangor Rizam Ismail pada bulan lalu berhubung aktiviti penternakan lembu haram di ladang SD Guthrie, Sabak Bernam.

Katanya seramai 173 orang penternak telah menerima notis pengusiran ternakan mereka.

“Susulan kenyataan exco berkaitan isu melibatkan ladang di Sabak Bernam,

syarikat SD Guthrie Berhad pula mengambil kesempatan mengeluarkan notis kepada semua penternak di Selangor.

“Penternak-penternak diberikan tempoh sebulan berakhir 31 Jan ini,” katanya kepada media ketika ditemui di hadapan pintu utama Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di Shah Alam, hari ini.

Sementara itu, kumpulan penternak juga menuntut supaya Rizam menarik balik kenyataannya.

Rizam pada 18 Disember lalu dilaporkan berkata SD Guthrie akan mengeluarkan notis rasmi kepada penternak lembu yang menduduki tanah syarikat itu secara tidak sah, untuk memindahkan haiwan ternakan dari ladang mereka di Sabak Bernam, selewat-lewatnya 31 Jan ini.

Malaysiakini telah menghubungi exco berkenaan dan pihak syarikat SD Guthrie Berhad untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai isu pengusiran penternak ini.

Dalam pada itu, protes pada jam 10.30 pagi tadi dimulakan dengan taklimat ringkas dan perarakan ke pintu utama bagi menyerahkan memorandum

tuntutan mereka.

Himpunan pada jam 10.30 pagi itu dimulakan dengan taklimat ringkas dan perarakan ke pintu utama bagi menyerahkan memorandum tuntutan mereka.

Seorang penternak S Uraraja, 48, berkata dia sekeluarga bimbang selepas menerima notis berkenaan.

Katanya, dia memiliki lebih 20 ekor lembu ternakan yang diibaratkan sebagai ‘bank’.

“Ternakan-ternakan ini adalah bank yang saya boleh gunakan apabila memerlukan. Apabila anak mahu sambung belajar, atau berkahwin dan ada kecemasan lembu-lembu ini saya boleh jual untuk menampung perbelanjaan.

“Aktiviti menternak ini sejak datuk saya lagi, sudah tiga generasi. Jadi saya minta tidak diusir begini, berilah penyelesaian lebih baik kepada rakyat seperti kami,” katanya kepada Malaysiakini.

Tambahnya, susulan notis itu dia rasa tertekan apabila ada peniaga daging datang menawarkan pembelian lembu dengan harga sangat rendah.

Sementara itu Timbalan Pengerusi PSM S Arutchelvan bersama 11 wakil penternak dibenarkan masuk dan berjaya menyerahkan memorandum kepada pegawai khas Menteri Besar Selangor.

Menurutnya, pihak menteri besar berjanji untuk mengadakan satu mesyuarat bersama exco-exco negeri, Gabungan Penternak Marhaen Nasional, wakil-wakil penternak dan pihak SD Guhtrie Berhad.

“Jadi SD Guhtrie tidak boleh menggunakan isu di Sabak Bernam untuk usir penternak-penternak lain.

“Apa yang berlaku di peringkat negeri Selangor nampaknya bercanggah dengan peringkat pentadbiran pusat yang membenarkan haiwan ternakan hidup di ladang kelapa sawit.

“Tetapi penternak perlu bertanggungjawab memastikan haiwan tidak berkeliaran hingga menyebabkan perkara yang tidak diingini,” katanya.-

[MALAYSIAKINI](#)

Sarawak Kuat Kuasa Perintah Vaksinasi Antirabies Baharu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Berita Malaysia	Online	23 Jan



Dr Rundi mengingatkan pemilik anjing supaya mematuhi keperluan pelesenan dan pengenalan serta menggalakkan pensterilan haiwan peliharaan untuk mengelakkan kelahiran yang tidak diinginkan. - Gambar fail/BERNAMA

KUCHING: Sarawak menguatkuasakan perintah vaksinasi antirabies baharu selepas usaha memerangi penyakit anjing gila itu masih belum berjaya sepenuhnya sejak wabak berkenaan menular pada tahun 2017.

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom yang menandatangani perintah itu pada Rabu di bawah Seksyen 40(1) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar (VPHO) 1999, berkata semua anjing di

negeri berkenaan kini diwajibkan untuk menjalani vaksinasi antirabies dan menerima suntikan penggalak tahunan.

"Pemilik anjing mesti memastikan haiwan peliharaan mereka divaksin. Kegagalan mematuhi perintah ini boleh dihukum denda sehingga RM2,500," katanya dalam kenyataan, sambil menambah bahawa anjing yang tidak divaksin dan terdedah kepada rabies akan dibunuh.

Beliau berkata bahagian Kuching, Samarahan, Serian, Sri Aman, Kapit, Mukah dan Bintulu telah diisytiharkan sebagai zon dijangkiti rabies selepas kes baharu dikesan.

Beliau berkata Sarawak merekodkan 123 kes positif daripada 889 sampel haiwan tahun lepas, dengan Kuching mendahului sebanyak 79 kes, diikuti Bintulu (16), Samarahan (10) dan Serian (enam), manakala Sri Aman, Kapit dan Mukah masing-masing mencatatkan empat kes.

Dr Rundi berkata, antara 6 hingga 19 Jan tahun ini, tiga kes positif rabies melibatkan haiwan peliharaan yang bebas berkeliaran dilaporkan di Kuching dan Samarahan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (DVSS), bersama pasukan khas Immune Belt Enforcement Team (IBET) telah mempertingkatkan program vaksinasi antirabies di seluruh negeri.

"Orang ramai boleh mendapatkan vaksin antirabies anjing secara percuma di mana-mana Pejabat Veterinar Kerajaan pada waktu pejabat atau semasa acara vaksinasi besar-besaran, yang akan diumumkan di Facebook rasmi DVS Sarawak," katanya. Klinik veterinar swasta juga menawarkan perkhidmatan

vaksinasi dan penjagaan kesihatan untuk haiwan peliharaan.

Beliau berkata Jabatan Kesihatan Negeri melaporkan 83 kes kumulatif dan 76 kematian manusia sejak Julai 2017, termasuk lapan kematian pada tahun 2024.

Dr Rundi turut mengingatkan pemilik anjing supaya mematuhi keperluan pelesenan dan pengenalan kerana denda akan dikenakan atas ketidakpatuhan, pada masa sama menggalakkan pensterilan haiwan peliharaan untuk mengelakkan kelahiran yang tidak diingini.-[ASTROAWANI](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR